

Program Jalinan Muhibbah pupuk integrasi

Jejak Perpaduan
bersama
JPNIN Sabah

Oleh JAINUDIN NASIR

jainudin5709@mail.com
UB 28-06-2012 B3

RANAU: Program Jalinan Muhibbah antara penduduk Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Lembah Permai Kudasang dengan pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini, mampu memupuk perpaduan, permuafakatan serta semangat integrasi nasional antara pelajar kedua-dua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) itu dengan penduduk setempat.

Program yang julung kali



DR. JOACHIM ketika berucap pada majlis Jalinan Muhibbah itu.

diadakan itu, adalah sempena program mendaki Gunung Kinabalu melibatkan lebih 30 pelajar yang diiringi beberapa orang pensyarah dari kedua-dua institusi terlibat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kudasang, Dr. Joachim Gungsalam selaku

tetamu kehormat pada majlis itu, dalam ucapannya berterima kasih kepada anggota rombongan UMP dan UMS kerana memilih Kg. Lembah Permai sebagai destinasi kunjungan sempena program mendaki Gunung Kinabalu tahun ini.

“Sesungguhnya usaha sebegini amat digalakkan dengan melibatkan semua masyarakat setempat mengenali dan bertemu-mesra dengan para pelajar IPT, yang juga merupakan sebahagian anggota masyarakat dan bakal berhadapan dengan penduduk



DR. JOACHIM (kanan) menerima cenderamata disampaikan Prof. Dr. Yuserrie.

setempat apabila menjawat jawatanawam, malah mungkin menjadi pemimpin pada masa akan datang,” katanya dan menyifatkan program itu juga bersesuaian dengan slogan ‘1Malaysia’.

Joachim yang juga Pengerusi Taman-Taman Sabah, memuji penduduk khususnya KRT Kg. Lembah Permai Kudasang kerana bersedia menerima rombongan berkenaan.

“Saya gembira dan berbangga kerana ada kesediaan daripada penduduk kampung di sini untuk menerima dan menyambut ketibaan para pengunjung ke kawasan Kudasang ini, yang memang terkenal

masih terdapat hutan semulajadi yang kaya dengan flora dan fauna di samping pemandangan kebun sayuran segar tanah tinggi yang diusahakan penduduk kampung - kampung sekitarnya,” katanya.

Hadir sama pada majlis itu ialah, Pengarah JPNIN Sabah, Nurul Akmalina Shamsudin; Naib Cancellor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP, Prof. Dr. Yusernie Zainuddin; Pendaftar UMP, Haji Mustafa Ibrahim; Bendahari UMP, Zainuddin Othman; Pengarah Pusat Kesihatan Pelajar UMP, D. Khairul Salleh Abd. Basil; Kpt. Darwis Wala (UMS) bersama para penduduk Kg. Lembah Permai.

Majlis berakhir dengan acara bertukar-tukar cenderamengan dan jamuan makan yang disediakan oleh KRT Kg. Lembah Permai.



PENGARAH JPNIN Sabah turut berucap pada majlis itu.



SEBAHAGIAN penduduk dan ahli KRT Kudasang yang hadir.



ANTARA pelajar UMP yang menyertai program.